

13 SEP 2003

JAMALUDIN-FELDA/I

FELDA DISENARAI DI BSKL MENJELANG Hujung TAHUN

PUTRAJAYA, 13 Sept (Bernama) -- Felda Holdings Sdn Bhd yang merupakan pengurus ladang terbesar di Malaysia, akan disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menjelang hujung tahun ini untuk menarik pelabur gergasi ke Malaysia.

Menteri Kewangan II Datuk Dr Jamaludin Jarjis berkata kerajaan, serta peneroka dan pekerja kumpulan Felda menerusi Koperasi Permodalan Felda, akan mengekalkan 75 peratus ekuiti dalam syarikat yang akan disenaraikan.

Baki 25 peratus lagi adalah untuk tebaran awam.

"Menjelang 1 Jan. 2004, Felda baru itu akan menjadikan kita tumpuan dunia. Apabila disenaraikan, ia juga menjadi estet kelapa sawit terbesar yang disenaraikan di mana-mana bursa saham," katanya kepada sesi taklimat tentang cadangan penyenaian itu, di sini hari ini.

Kini, hanya syarikat-syarikat besar di BSKL seperti Tenaga Nasional Bhd, Telekom Malaysia Bhd, Malayan Banking Bhd dan Malaysian International Shipping Corporation Bhd yang menjadi perhatian pelabur gergasi.

Dengan Felda di senaraikan di BSKL, akan ada tarikan baru, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat semalam, mengumumkan rancangan untuk menyenaikan Felda di BSKL.

Dengan penyenaian itu, Felda Holdings akan berupaya mendapatkan modal daripada pasaran dan tidak lagi perlu bergantung kepada kerajaan untuk sumber kewangannya.

Jamaludin menjelaskan bahawa Felda Holdings yang akan disenaraikan, kini mengurus 354,554 hektar ladang milik FELDA (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan). Ia turut memiliki pelbagai anak syarikat dan syarikat bersekutu yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan termasuk pengilangan dan penapisan minyak sawit.

Ia juga membeli hasil keluaran peneroka yang memiliki 447,246 hektar ladang.

Ekuiti Felda Holdings kini dipegang oleh FELDA dengan kepentingan 49 peratus dan Koperasi Permodalan Felda (KPF) 51 peratus.

Di bawah cadangan penstrukturan aset sebelum Felda Holdings disenaraikan, syarikat itu akan membeli semua aset ladang yang dimiliki FELDA dan dibayar menerusi penerbitan saham Felda Holdings.

Ia juga akan membeli kepentingan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu yang dipegang secara langsung oleh FELDA dan KPF, dan dibayar menerusi penerbitan saham Felda Holdings. Ekuiti KPF kini dimiliki oleh pekerja kumpulan Felda dengan kepentingan sebanyak 11.1 peratus dan peneroka 88.9 peratus.

Kemudian, ekuiti milik FELDA dalam Felda Holdings akan dipindahkan pula kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc).

Berikutan itu, pemegang saham utama dalam Felda Holdings adalah MOF Inc dan KPF. Mereka, kemudian akan menawarkan saham Felda Holdings kepada pelabur runcit dan institusi menerusi tawaran awam permulaan (IPO) untuk menjadikan pegangan kepentingan mereka dalam Felda Holdings sebanyak 75 peratus.

Jamaludin berkata wang hasil daripada IPO Felda akan digunakan oleh kerajaan untuk tujuan pembangunan.

Di bawah cadangan itu, peneroka Felda juga akan diperuntukkan saham dengan nilai purata RM6,000 setiap seorang berdasarkan kepada jumlah peruntukan saham RM1 bilion.

Pekerja kumpulan Felda akan ditawarkan saham di bawah skim pekerja. MOF Inc juga akan menawarkan sebahagian saham Felda Holdings kepada kerajaan negeri di bawah program yang akan diumumkan kemudian.

Butiran cadangan itu, termasuk nilai yang berkaitan dengan pelbagai langkah, akan diumumkan kemudian.

Menerusi IPO, kata Jamaludin, Felda Holdings akan berpeluang dan digalakkan berkembang untuk menjadi peneraju global dalam industrinya, khususnya dalam meningkatkan segmen penyelidikan dan pembangunan untuk mengeluarkan lebih banyak produk hiliran.

"Kita percaya bahawa IPO akan memberikan peneroka, pekerja dan kerajaan negeri yang bekerja keras membawa Felda ke kedudukan hari ini, peluang untuk menjadi pemegang saham syarikat baru yang akan disenaraikan," katanya.

Beliau juga berkata Felda Holdings kini berusaha untuk menambah keluasan ladangnya. "Jika Felda mempunyai 50,000 hektar dalam dalam satu tempat dan sebuah entiti swasta memiliki tanah di sebelahnya dan sedia untuk menjualnya, Felda akan menimbangkannya."

Tentang rancangan awal kerajaan untuk menggalakkan pemilik estet kecil bergabung dan menjadi sebuah syarikat tersenarai yang lebih besar, beliau berkata pelan itu masih diteruskan dan penyeneraian Felda Holdings akan menjadi permulaannya.

Ditanya samada kerajaan ada bercadang untuk menjual lebih banyak aset, beliau berkata: "Isunya bukan jualan aset. Isunya adalah pengujudan nilai. Kita tidak menjual Felda. Kita hanya merealisasikan nilai, meraih faedah dan memberikannya kepada rakyat."

Kerajaan, katanya, faham tentang kepentingan Felda sebagai aset nasional yang mempunyai peranan sosio ekonomi di negara ini.

"Skim ini memberi faedah kepada peneroka dari segi kewangan dan mengekalkan kedudukan mereka. Pada masa yang sama, IPO akan memperbaiki keanjalan kewangan Felda, mempelbagaikan asas pelabur dan meningkatkan ketelusan," katanya. -- BERNAMA

SM SD SHY JR